



Abu Al-Mokhtar Sedia Menjawab

Hukum Qada” Sembahyang Dalam Islam

Saudara Usman bin Abdullah, Alor Gajah Melaka, bertanya tentang hukum Qada’ sembahyang dalam Islam. Adakah sebarang mazhab di antara mazhab-mazhab ahli Sunnah Wal Jamaah iaitu Hanafi, Maliki, Shafi’i dan Hanbali yang mengatakan bahawa sembahyang yang ditinggalkan dengan ketiadaan uzur itu tidak wajib Qada’? Harap mendapat sedikit penjelasan.

Jawab

Sembahyang fardu yang lima itu wajib ditunaikan pada waktunya. Hukum itu berdasarkan dalil firman Allah ta’ala: *“Inna al-ṣolāta kānat ‘alā al-mu’minīna kitābān mawqūṭā”*. Ertinya : “Sesungguhnya sembahyang itu difardhukan atas orang-orang yang beriman dengan waktunya yang ditetapkan.”

Barang siapa melenghakkannya daripada waktunya dengan ketiadaan uzur, sehingga sembahyang itu luput, maka berdosa lah ia dan amatlah besar dosanya. Orang yang meninggalkan sembahyang dengan sengaja (kerana malas dan cuai) hendaklah ia segera bertaubat, dan wajib Qada” akan sembahyangnya yang telah ditinggalkan itu kesemuanya sekali.

Bertaubat sahaja dengan tidak mengqada” akan sembahyang yang telah dicuainya itu, tidak akan berfaedah dan tidak akan dapat menolongnya.

Inilah kesimpulan hukumnya dalam Islam dan telah

sekata keempat-empat mazhab menetakannya.

Lebih lanjut huraian masalah ini seperti berikut.

Uzur-uzur Sembahyang

Adapun uzur yang mengharuskan sembahyang itu dilengahkan daripada waktunya ialah pertama : Kerana tertidur, kedua : kerana terlupa.

Orang yang meninggalkan sembahyang kerana tertidur atau terlupa, tidaklah ia berdosa tetapi wajib ia mengqada”kan dengan segera selepas itu.

Menurut mazhab Shafi’i, seorang yang meninggalkan sembahyang kerana terlupa, dan lupunya itu kerana cuai, umpamanya kerana ia asyik bermain “terup” (daun pakau) maka tidaklah ia dinamakan uzur bahkan berdosa lah ia kerana melengahkan fardu sembahyang yang telah luput itu. Ia hendaklah bertaubat dan wajib mengqada’ akan sembahyang yang tertinggal itu dengan segera.

Hukum Qada” Sembahyang

Menurut ketetapan Mazhab Yang Empat

Sembahyang fardu yang telah luput, wajib diqada’kan dengan segera, baik sembahyang yang luput itu kerana uzur atau dengan ketiadaan uzur. Ketetapan ini telah sekata oleh mazhab-mazhab yang empat kecuali mazhab Shafi’i. (Menurut mazhab Shafi’i : Sembahyang yang luput dengan ketiadaan uzur, wajib qada’ dengan segera, dan yang luput kerana uzur, wajib mengqada”kan tetapi boleh dilembutkan.)

Tidak harus melengahkan qada’ sembahyang yang luput melainkan dengan uzur, seperti kerana mencari sara hidup atau menuntut ilmu yang wajib dipelajari (fardu ‘ain).

Dosa meninggalkan sembahyang tidak hilang semata-mata

kerana sembahyang itu telah qada' akan dia, tetapi mestilah bertaubat. Sebagaimana juga sembahyang yang ditinggalkan itu tidak akan dapat diganti dengan taubat semata-mata tetapi mestilah diqada'' akan dia. Kerana salah satu dari syarat-syarat bertaubat ialah berhenti daripada melakukan perkara yang berdosa itu.

Bagaimana Caranya Mengqada' Sembahyang Yang Luput

Sembahyang yang luput hendaklah diqada' menurut keadaan sembahyang itu semasa luputnya. Kalau seorang itu dalam pelayaran yang membolehkan sembahyangnya diqasarkan (diringkaskan, umpamanya Zuhur empat rakaat dalam pelayaran boleh diringkaskan menjadi dua rakaat sahaja) dan ia telah luput. Satu sembahyang jenis empat rakaat (seperti Zuhur atau Asar pun Isyak) hendaklah diqada'' akan dia sebanyak dua rakaat sahaja walaupun ia masa itu bukan dalam masa pelayaran lagi. Ini ialah menurut mazhab Ḥanafī dan Mālikī. Berlainan dengan mazhab Shāfi'ī dan Ḥanbalī.

(Menurut mazhab Shāfi'ī dan Ḥanbalī: kalau ia dalam pelayaran dan telah luput satu sembahyang jenis empat rakaat, hendaklah ia qad'; akan dia sebanyak dua rakaat kalau ia masih dalam masa pelayaran. Tetapi kalau bukan dalam masa pelayaran maka wajib qada''nya sebanyak empat rakaat).

Kalau ia berada di tempatnya (bukan dalam pelayaran) dan telah luput sembahyang yang tersebut, hendaklah ia mengqada''nya sebanyak empat rakaat, sekalipun qada' itu dilakukan dalam masa pelayaran.

Demikian juga, apabila sembahyang yang luput itu, jenis sembahyang bacaan perlahan (Zuhur, misalnya) hendaklah diqada'' dengan bacaan perlahan juga, sekalipun masa

mengqada''nya pada waktu malam. Kalau pula sembahyang yang luput itu jenis sembahyang bacaan nyaring (maghrib, misalnya), hendaklah diqada'' dengan bacaan nyaring juga, sekalipun masa mengqada''nya pada siang hari, Ini ialah menurut mazhab Ḥanafī dan Mālikī. Berselisih sedikit dengan mazhab shāfi'ī dan Ḥanbalī.

(Menurut mazhab Shāfi'ī : yang diutamakan ialah "masa" yang didalamnya qada' sembahyang itu dijalankan. baik sembahyang itu jenis sembahyang yang dikerjakan dengan bacaan perlahan atau dengan bacaan nyaring. Jelasnya, barang siapa mengqada'' akan sembahyang zuhur pada waktu malam, hendaklah dengan bacaan nyaring, dan barang siapa mengqada'' akan sembahyang maghrib pada siang hari, hendaklah dengan bacaan perlahan).

(Menurut mazhab Ḥanbalī pula : Kalau qada'' sembahyang itu dilakukan pada siang hari, hendaklah dengan bacaan perlahan, baik sembahyang itu jenis sembahyang yang dikerjakan dengan bacaan perlahan atau jenis yang dikerjakan dengan bacaan nyaring. Dan baik orang itu menjadi imam atau sembahyang seorang diri. Kalau pula qada'' sembahyang itu dilakukan pada malam hari, hendaklah dengan bacaan nyaring ketika mengerjakan sembahyang jenis bacaan nyaring, iaitu apabila ia menjadi imam. kalau pula sembahyang yang diqada'kan itu jenis bacaan perlahan, hendaklah dengan bacaan perlahan, demikian juga kalau sembahyang itu jenis bacaan nyaring, hendaklah dengan bacaan perlahan ketika ia mengerjakannya seorang diri).

Hendaklah Menjaga Tertib

Dalam masa mengqada' sembahyang yang luput hendaklah menjaga tertib (mendahulukan yang dahulu dan mengkemudiankan yang kemudian). Hendaklah ia mengqada''

sembahyang subuh terlebih dahulu daripada sembahyang zuhur, dan zuhur sebelum asar, dan seterusnya. Demikian juga hendaklah menjaga tertib dengan mendahulukan sembahyang yang diqada''kan sebelum yang bukan qada'.

Tertib yang tersebut menurut mazhab-mazhab Ḥanafī, Malīkī dan Ḥanbalī ialah wajib (terlalu lanjut huraianannya), tetapi menurut mazhab Shāfi'ī ialah sunat.

Lebih lanjut menurut mazhab Shāfi'ī : tertib sembahyang qada'' sesama sembahyang qada' ialah sunat, baik ia sedikit atau banyak. Kalau seorang mendahulukan setengahnya atas setengahnya yang lain: Sah sembahyang itu tetapi menyalahi sunat, dan lebih aula diulang semula. Jelasnya, barangsiapa sembahyang asar (qada'') sebelum zuhur, atau sembahyang zuhur. Khamis (qada'') sebelum sembahyang zuhur hari rub'ū: Sah sembahyangnya. Demikian juga tertib sembahyang qada'' dengan sembahyang yang bukan qada'' ialah sunat dengan dua syarat: Pertama: Jangan ada kebimbangan bahawa sembahyang yang bukan qada'' akan luput- dan luputnya itu ialah sekiranya tidak mendapat satu rakaat daripada sembahyang itu pada waktunya. Kedua: Orang itu teringat akan sembahyang-sembahyang yang luput (yang hendak diqada'kan itu) sebelum ia masuk dalam sembahyang yang bukan qada'' (yang sedang dikerjakan). Kalau ia tidak teringat akan dia sehingga ia masuk dalam sembahyang yang bukan qada'', hendaklah ia menyempurnakan sembahyangnya yang tersebut, dan jangan diputuskan untuk mengerjakan sembahyang qada'', sekalipun masih ada waktu untuk melakukannya. Kalau pula ia telah memulakan sembahyang qada'' sebelum sembahyang yang bukan qada'' dengan yakin masih banyak waktu, tiba-tiba setelah ia memulakan sembahyangnya ternyata jika ia menyempurnakan sembahyang qada' itu akan luput waktu sembahyang yang bukan qada', maka pada

saat itu ia telah memilih: Pertama: Memutuskan sembahyangnya itu atau menukarkannya (dengan diniatkan) menjadi sembahyang sunat sahaja, lalu memberi salam untuk mengerjakan sembahyang yang bukan qada'' (untuk mengejar waktu), dan inilah yang lebih afdal.

Sembahyang Yang Luput

Yang Tidak Diketahui Jumlah Bilangannya

Barang siapa menanggung sembahyang yang luput, yang tidak diketahui jumlah bilangannya, wajib ia mengqada' terus menerus sehingga ia yakin bahawa segala hutang sembahyang yang ditanggungnya itu telah selesai dibayar (diqada''kan). Ini ialah menurut mazhab Shāfi'ī dan mazhab Ḥanbalī.

Menurut mazhab Ḥanafī dan Mālikī pula, memadai kalau sudah berat sangkaannya-setelah ia mengqada''kan sembahyangnya itu-bahawa ia telah selesai mengqada'kan segala sembahyang yang ditanggungnya.

Tidak juga dimestikan ketika mengqada' akan sembahyang yang luput itu pada menentukan masa, tetapi memadai ia menyatakan sembahyang yang diniatkan itu seperti sembahyang zuhur atau asar misalnya. Ini menurut tiga mazhab: Mālikī, Shāfi'ī dan Ḥanbalī.

Menurut Ḥanafī pula : mestilah dinyatakan masa, dengan meniatkan zuhur yang pertama yang telah luput, dan seterusnya. atau pun meniatkan zuhur yang akhir sekali yang telah luput.

Qada'' Sembahyang Dalam Masa Larangan

Sembahyang yang luput itu boleh diqada'kan dalam segala masa walau dalam masa yang dilarang melakukan sembahyang sunat di dalamnya. Huraianannya dalam keempat-empat mazhab seperti berikut :

Mazhab Shāfi'ī: harus mengqada' akan sembahyang

yang luput dalam segala waktu larangan, kecuali jika sengaja ditentukan masa melakukan sembahyang qada' di dalam waktu larangan itu, maka yang demikian tidak harus dan sembahyang tidak sah. Demikian juga tidak harus dan tidak sah mengqada' akan sembahyang ketika khatib sedang membaca khutbah jumaat atau pun sebaik-baik sahaja khatib naik di atas mimbar.

Mazhab Ḥanafī: Tidak harus mengqada' akan sembahyang luput pada tiga waktu: pada permulaan matahari terbit, dan pada permulaan tergelincir, dan juga pada waktu matahari masuk. Selain daripada waktu-waktu yang tersebut, harus mengqada' sembahyang di dalamnya walau selepas asar.

Mazhab Mālikī: Kalau seseorang telah yakin atau telah menyangka yang ia menanggung akan sembahyang yang luput itu, hendaklah ia mengqada' akan dia walau pada waktu-waktu larangan sekalipun. Kalau pula ia syak adakah ia menanggung atau tidak akan sembahyang yang luput itu, hendaklah ia mengqada'kan pada waktu yang tidak dilarang.

Mazhab Ḥanbalī: Harus mengqada' akan sembahyang yang luput itu dalam segala waktu larangan.

Orang Yang Menanggung Sembahyang Yang Wajib Qada'

Bolehkah Ia Mengerjakan Sembahyang Sunat?

Adakah menjadi halangan kepada orang yang mengerjakan sembahyang qada' dengan segera, kalau ia mengerjakan pula sembahyang sunat? Soal ini telah dihuraikan oleh keempat-empat mazhab seperti berikut :

Mazhab Shāfi'ī: Orang-orang yang menanggung sembahyang yang luput, yang wajib mengqada'nya dengan segera (iaitu sembahyang yang ditinggalkan dengan ketiadaan uzur), haram mengerjakan sembahyang sunat secara mutlak, baik sunat

itu "sunat rawatib" atau lainnya, sehingga ia selesai mengqada' kesemua sembahyangnya yang tertinggal dan bersih daripada menanggung hutang sembahyang itu.

Mazhab Ḥanafī: mengerjakan sembahyang sunat tidak menghalangi sembahyang yang luput daripada qada' akan dia dengan segera, tetapi yang lebih utama hendaklah mengqada' sembahyang yang luput dan meninggalkan sembahyang-sembahyang sunat Ḍuha, sembahyang sunat tasbeeh, sembahyang sunat tahiyyat al-masjid, sembahyang sunat empat rakaat sebelum zuhur, dan sembahyang sunat enam rakaat lepas maghrib,

Mazhab Mālikī: Haram atas orang yang menanggung sembahyang yang wajib diqada', mengerjakan sebahagian dari "sunat nawafil" kecuali sunat fajar hari itu dan "sunat syifa dan witr" dan juga kecuali daripada sembahyang sunat seperti sembahyang hari raya.

Mazhab Ḥanbalī: Haram atas orang yang menanggung sembahyang yang wajib diqada', mengerjakan sembahyang sunat nawafil yang mutlak, jika ia kerjakan, tidak sah.

Adapun sembahyang sunat nawafil yang muqayyad, seperti sunat rawatib dan sunat witr, maka harus ia mengerjakannya tetapi lebih utama kalau sembahyang-sembahyang sunat yang tersebut itu ditinggalkan jika sembahyang yang wajib diqada' itu banyak. Dalam pada itu dikecualikan daripada itu, sembahyang sunat fajar kerana tertuntut dalam shara' mengerjakannya, sekalipun sembahyang yang wajib diqada'kan itu banyak.

Demikian hukum Islam tentang mengqada' akan sembahyang yang luput itu menurut huraian mazhab-mazhab yang empat.